

# Program Jom Tanya Ustaz menarik

UB 13/10/2012 BS

LABUAN: Program Jom Tanya Ustaz di Dewan Utama Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) malam kelmarin mendapat sambutan yang menggalakkan.

Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan Labuan, Ustaz Ahmad Sharizal Mohd Safian yang juga pendakwah bebas mengendalikan program berkenaan.

Program anjuran Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Bahagian Hal Ehwal Masjid itu berjaya menarik kehadiran pelajar lelaki dan perempuan yang memenuhi dewan utama sejak jam 8 malam.

Turut hadir Pengetua Kolej Kediaman, Shamsulbahri Nasir dan Pembantu Hal Ehwal Masjid, Mohd Fadzri Abd Hamid.

Mohd Fazri berkata, program itu diadakan sempena sambutan Tamu Gadang UMS-KAL 2012 dan Majlis Konvokesyen UMS ke-14 peringkat UMS



**SAHRIZAL (dua kanan) menerima cenderamata daripada Shamsulbahri diperhatikan Mohd Fazri (kiri) selepas menjayakan program Jom Tanya Ustaz di Dewan Utama UMS-KAL.**

Labuan.

Katanya, HEP dan jawatankuasa penganjur akan mengadakan lebih banyak program keagamaan untuk menambah ilmu kepada

pelajar universiti itu.

“Penganjur bercadang akan menjemput penceramah yang terkenal untuk memberi peluang kepada pelajar menambah ilmu keagamaan

selain sebagai salah satu aktiviti universiti,” katanya.

Program itu diserikan lagi dengan persembahan nasyid dan bacaan ayat-ayat suci al-Quran.